

Headline	TH sasar CSI 84peratus tahun ini		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	18 Sep 2013	Color	Black/white
Section	Dlm Negeri	Circulation	197,952
Page No	4	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	87 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,144
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,432



TH sasar CSI 84% tahun ini

MEKAH 17 Sept. - Lembaga Tabung Haji (TH) menyasarkan capaian sebanyak 84 peratus bagi Indeks Kepuasan Pelanggan (CSI) bagi pengurusan haji tahun ini.

Ketua Rombongan Haji Malaysia, Datuk Syed Saleh Syed Abdul Rahman berkata, CSI itu sebenarnya memang meningkat dari tahun ke tahun daripada sasaran yang ditetapkan dan ia bukti komitmen TH untuk terus memberi perkhidmatan muassasah yang terbaik bagi jemaah haji Malaysia.

“Setiap tahun kami dapati CSI jemaah haji Malaysia meningkat berbanding sasaran yang ditetapkan dan bagi tahun 1434 Hijrah ini sasaran CSI ialah 84 peratus,” katanya pada Majlis Taaruf (Orientasi) Rombongan Haji Malaysia dengan Muassasah Asia Tenggara di sini malam tadi.

Katanya, sasaran itu juga bersesuaian dengan piawaian pengurusan dan perkhidmatan haji di Malaysia dan Arab Saudi yang memperoleh pensijilan ISO 9001:2008 sejak tahun 2006.

Beliau berkata TH memahami tindakan kerajaan Arab Saudi mengurangkan jumlah jemaah haji dari seluruh dunia pada tahun ini demi keselamatan dan keselesaan jemaah ekoran kerja menaik taraf kemudahan dan pembangunan di sekitar Masjidil Haram.

Syed Saleh berkata, sehubungan itu jumlah jemaah haji Malaysia bagi tahun ini dikurangkan kepada 22,320 orang sahaja.

“Kerajaan Arab Saudi memang memuji pengurusan Tabung Haji bahkan banyak negara dari seluruh dunia datang ke Tabung Haji setiap tahun untuk mempelajari sistem Tabung Haji,” katanya. - BERNAMA